



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**TAJUK : “BULI: KESERONOKAN YANG MEMBAWA PADAH”**

**TARIKH: 27 JULAI 2018M / 14 ZUL QA'DAH 1439H**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :**

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرَ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ <sup>ط</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ  
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

(Surah al-Hasyr : 18)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ، وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,**

Bertaqwa kepada Allah ﷻ dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Peliharalah diri daripada melakukan

perkara-perkara yang dikhuatiri boleh merosakkan aqidah dan ibadah kita. Kehidupan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah, memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Allah ﷻ serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan mereka yang memperolehi keredhaan Allah ﷻ, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah ﷻ di dalam Surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

**Maksudnya :** *Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada agama Allah, dan janganlah berpecah belah.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**BULI: KESERONOKAN YANG MEMBAWA PADAH**”.

### **SIDANG JUM'AT YANG DIMULIAKAN,**

Sejak kebelakangan ini, kita mendapati banyak kes buli yang dilaporkan, sama ada melibatkan pelajar sekolah, universiti, tempat kerja dan alam siber. Menurut Kamus Dewan, buli didefinisikan sebagai perbuatan memperlmain-mainkan orang, kebiasannya orang yang lemah, dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan, ataupun menakutkan orang tersebut.

Menurut statistik Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah kes buli di sekolah yang dicatatkan dari tahun 2012 hingga 2017 adalah sebanyak

20,315 kes. Manakala statistik buli siber pada tahun 2017 berjumlah 228 kes. Walaupun jumlah kes buli di sekolah pada tahun 2017 adalah yang terendah dalam tempoh tersebut, iaitu sebanyak 2,795 kes, namun jumlah ini tetap merisaukan kita semua.

## **SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,**

Gejala buli ini bukanlah sesuatu yang remeh. Jika dibiarkan, ia akan memberi kesan buruk terutamanya kepada mangsa buli. Menurut pakar psikologi, mangsa buli berpotensi mengalami sindrom seperti pengasingan diri, enggan hadir ke sekolah atau universiti, kemerosotan prestasi pelajaran, panas baran, kemurungan, masalah tidur, kerisauan melampau dan yang paling teruk sehingga menyebabkan kematian.

Si pembuli juga tidak terlepas menerima kesan buruk daripada gejala buli ini. Antara kesan buruk yang akan dialami pembuli adalah disabitkan pertuduhan jenayah dan mereka juga berisiko mendapat ancaman balas daripada mangsa. Jika ini tidak berlaku, kebiasaannya mereka akan menerima cemuhan dan dipandang serong oleh masyarakat. Semua kesan ini boleh merosakkan masa depan pembuli dan menyukarkan pembuli untuk berubah menjadi orang yang baik. Perkara ini diperkukuhkan lagi menerusi satu kajian yang mendapati, satu perempat daripada pembuli berisiko mempunyai rekod jenayah apabila berusia 30 tahun.

Kesan-kesan buruk seperti yang disebutkan tadi sudah tentu akan menjadi ancaman besar kepada usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.

## **SIDANG JUM'AT YANG BERBAHAGIA,**

Kita mungkin tertanya-tanya mengapakah gejala buli ini boleh berlaku? Jawapannya ada pada kes-kes buli yang berlaku di sekeliling kita. Antara puncanya ialah:

### **Pertama : Kurang penghayatan agama**

Pembuli tidak menghayati adab pergaulan yang menepati syarak dalam kehidupan seharian. Ini disebabkan kerana kurangnya pengetahuan agama Islam ataupun kurang amalan penghayatan Islam dalam keluarga.

### **Kedua : Pengaruh buruk rakan sebaya**

Mereka merasakan membuli ini adalah cara terbaik untuk diterima berkawan dengan seseorang individu atau kumpulan yang berpengaruh di sekolah. Mereka tidak merasakan keburukan perbuatan ini disebabkan keseronokan melakukannya dan juga turut dilakukan oleh rakan-rakannya yang lain.

### **Ketiga : Menutup kelemahan diri**

Ada juga pembuli yang terlibat dengan perbuatan ini disebabkan cara berfikir yang salah. Seperti membuli kerana ingin menutup kelemahan diri dan kisah lampau yang memalukan. Bagi mereka, membuli akan memulihkan keyakinan diri dan memastikan sifat ego mereka tidak tercabar.

#### **Keempat : Pernah menjadi mangsa buli**

Terdapat juga mereka yang terlibat dengan gejala ini kebanyakannya datang daripada keluarga yang bermasalah, sama ada mereka ini merupakan mangsa penderaan ataupun duduk di dalam keluarga yang menggunakan kekerasan sebagai penyelesaian. Mangsa penderaan merasakan yang mereka tiada kuasa di dalam keluarga. Jadi, semasa mereka di luar, cara mereka mahu mengembalikan kuasa mereka dan mencari keseronokan adalah dengan membuli orang lain.

#### **SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,**

Dalam mengatasi gejala buli yang berleluasa ini, penerapan penghayatan agama dan pembinaan keluarga yang harmoni adalah solusi yang paling berkesan. Islam menganjurkan umatnya agar berkasih sayang sesama makhluk.

Rasulullah ﷺ bersabda :

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى إِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ  
يَرْحَمَكُم مَّن فِي السَّمَاءِ

**Maksudnya:** *Orang yang mengasih akan dikasih Allah ﷻ. Kasihilah mereka yang berada di bumi nescaya kamu akan dikasih oleh mereka yang berada di langit.*

(Hadith riwayat at-Tirmidzi)

Islam juga menjadikan perbuatan menahan diri daripada menyakiti manusia lain adalah sebagai sedekah.

Rasulullah ﷺ bersabda :

تَكْفُ شَرِّكَ عَنِ النَّاسِ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ مِنْكَ عَلَى نَفْسِكَ

**Maksudnya:** *Tahanlah kejahatan kamu daripada manusia. Sesungguhnya perbuatan itu merupakan sedekah untuk dirimu.*

(Hadith riwayat Muslim)

Keluarga yang harmoni pula akan menjadi benteng yang ampuh dalam menghindarkan anak-anak daripada terlibat dengan gejala buli. Ini kerana mereka yang lahir dalam suasana yang penuh kasih sayang akan memandang buruk kepada sebarang bentuk kekerasan dan perbuatan mempermainkan orang lain. Dengan itu, usaha untuk membanteras gejala ini di pihak lain akan menjadi lebih mudah.

## **SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapat disimpulkan bahawa :

1. Gejala buli ini merupakan ancaman besar kepada usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.
2. Punca buli mestilah dikenal pasti dalam usaha kita untuk mencegah dan memberikan rawatan.
3. Penerapan penghayatan agama dan pembinaan keluarga yang harmoni adalah solusi yang paling berkesan dalam membanteras gejala buli.

Firman Allah ﷻ dalam Surah Ali 'Imran ayat 133-134 :

❦ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ  
لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ وَالصَّغِيرِ وَالْعَافِينَ  
عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

**Maksudnya:** Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa, iaitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang yang menahan kemarahannya, dan orang yang memaafkan kesalahan orang lain, dan (ingatlah) Allah mengasihi orang yang berbuat perkara yang baik.

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.